



MAKLUMAT ANUGERAH GEMILANG UNIVERSITI (AGU) 2019

ANUGERAH GEMILANG UNIVERSITI (AGU) 2019 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar telah dianjurkan pada setiap tahun sebagai satu usaha pihak Pengurusan Universiti melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pelajar UTeM yang telah bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum dan telah mencapai kejayaan serta meningkatkan nama UTeM.
- 1.2 Dengan penganjuran Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar ini, secara amnya dapat meningkatkan semangat dan motivasi pelajar untuk bergiat cergas dalam aktiviti kokurikulum, disamping menjalin hubungan dan menerapkan semangat kerja berpasukan di kalangan pelajar UTeM.
- 1.3 Namun begitu, selaras dengan Anugerah Tokoh Siswa yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, UTeM telah mengambil inisiatif memperbaharui kaedah dan pelaksanaan serta membuat perubahan pada nama Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar kepada Anugerah Gemilang Universiti (AGU).
- 1.4 Anugerah Gemilang Universiti (AGU) adalah merupakan platform untuk mengiktiraf dan memberi galakan kepada kepimpinan mahasiswa yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang holistik dan kompeten selari dengan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.
- 1.5 Anugerah Gemilang Universiti (AGU) ini diadakan selari dengan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memperkenalkan penganjuran Majlis Anugerah Tokoh Siswa kali pertama pada 1 Mac 2013. Anugerah ini membuka peluang kepada mahasiswa untuk bersaing secara sihat dan terlibat secara langsung

dalam aktiviti pembangunan sahsiah di IPT bagi melahirkan insan yang seimbang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi dalam aspek kepimpinan, sukan, kebudayaan, kesukarelawan, inovasi, keusahawanan, pengucapan awam, dan lain-lain.

- 1.6 Anugerah Gemilang Universiti (AGU) ini terbahagi kepada empat kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori **Kepimpinan (Individu)-Pemimpin Organisasi, Kepimpinan (Individu) –Pemimpin Program, Kategori Kepimpinan Pasukan dan Kategori Sukan**
- 1.7 Manakala, terdapat tiga penghargaan khas yang diberikan iaitu **Anugerah Khas Juri (Individu/Pasukan), Penghargaan Penasihat Kelab/Persatuan dan Penghargaan Jurulatih**

2.0 OBJEKTIF

Penganjuran Anugerah Gemilang Universiti (AGU) bertujuan untuk:

- a) Memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kejayaan individu dan persatuan/kelab dalam pengurusan organisasi dan pelaksanaan program/aktiviti mahasiswa
- b) Mengiktiraf peranan individu dan persatuan/kelab yang berjaya memanfaatkan secara positif ruang dan peluang yang disediakan oleh UTeM dalam pelaksanaan program/aktiviti kemahasiswaan; dan
- c) Memberi kesedaran, motivasi serta peluang kepada para mahasiswa untuk mengetengahkan potensi dan mengembangkan bakat yang ada pada diri untuk menjadi insan yang cemerlang.

3.0 KATEGORI ANUGERAH

Terdapat 1 Anugerah Utama 24 anugerah yang dipertandingkan dan 5 penghargaan khas bagi Anugerah Gemilang Universiti (AGU) iaitu:

ANUGERAH GEMILANG UNIVERSITI (AGU)	
ANUGERAH UTAMA	
1.	Anugerah TUAH Gemilang Universiti
ANUGERAH MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN	
KATEGORI KEPIMPINAN (INDIVIDU)- PEMIMPIN ORGANISASI	
2.	Anugerah Pemimpin Organisasi Terbaik
KATEGORI KEPIMPINAN (INDIVIDU) –PEMIMPIN PROGRAM	
3.	Anugerah Pemimpin Program Keusahawanan Terbaik
4.	Anugerah Pemimpin Program Kesukarelawanan Terbaik
5.	Anugerah Pemimpin Program Kebudayaan Dan Kesenian Terbaik
6.	Anugerah Pemimpin Program Sains, Teknologi Dan Inovasi Terbaik
7.	Anugerah Pemimpin Program Pembangunan Sahsiah/Intelek Terbaik
8.	Anugerah Pemimpin Program Sukan Terbaik
KATEGORI KEPIMPINAN PASUKAN	
9.	Anugerah Kebudayaan Dan Kesenian Terbaik
10.	Anugerah Keusahawanan Terbaik
11.	Anugerah Pembangunan Sahsiah/Intelek Terbaik
12.	Anugerah Kesukarelawanan Terbaik
13.	Anugerah Kelab/Persatuan Terbaik
14.	Anugerah Persatuan Fakulti Terbaik
15.	Anugerah Kediaman Terbaik
16.	Anugerah Inovasi Terbaik
KATEGORI SUKAN	
17.	Anugerah Olahragawan
18.	Anugerah Olahragawati
19.	Anugerah Olahragawan Harapan
20.	Anugerah Olahragawati Harapan

21.	Anugerah Pasukan Cemerlang
22.	Anugerah Pasukan Harapan
23.	Anugerah Pengurus Cemerlang
24.	Anugerah Kelab Cemerlang
PENGHARGAAN KHAS	
25.	Anugerah Khas Juri
26.	Penghargaan Penasihat Kelab/Persatuan
27.	Penghargaan Jurulatih
28.	Penghargaan Mentor Sukan
29.	Penghargaan Pengerusi Kelab/Persatuan

Pemenang anugerah kategori kepimpinan individu (Kategori 1 – 11) secara automatik layak bertanding untuk mendapatkan Anugerah TUAH Gemilang Universiti .

3.1 Keterangan Anugerah Gemilang Universiti (AGU) mengikut kategori yang dipertandingkan :-

3.1.1 ANUGERAH TUAH GEMILANG UNIVERSITI

Anugerah ini terbuka kepada **3** calon mahasiswa (individu) yang telah memperoleh kemenangan daripada mana mana Kategori Anugerah Kepimpinan (individu) yang telah dipertandingkan dan mendapat markah yang tertinggi . Maka, mahasiswa ini layak untuk dicalonkan ke Anugerah TUAH Gemilang Universiti.

3.1.2 ANUGERAH PEMIMPIN ORGANISASI TERBAIK

Anugerah ini terbuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepemimpinan berwibawa dalam pengurusan organisasi. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.3 ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KEUSAHAWANAN TERBAIK

Anugerah ini dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program keusahawanan berimpak tinggi. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.4 ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KESUKARELAWANAN TERBAIK

Anugerah ini dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program sukarelawan berimpak tinggi. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.5 ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KEBUDAYAAN DAN KESENIAN TERBAIK

Anugerah ini dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program kebudayaan dan kesenian serta perpaduan yang berimpak tinggi. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.6 ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI TERBAIK

Anugerah ini dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program sains, teknologi dan inovasi berimpak tinggi. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.7 ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH/ INTELEK TERBAIK

Anugerah ini dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program pembangunan sahsiah/ intelek yang berimpak tinggi. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.8 ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM SUKAN TERBAIK

Anugerah ini dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program sukan berimpak tinggi. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.9 ANUGERAH KEBUDAYAAN DAN KESENIAN TERBAIK

Anugerah ini diberikan kepada kumpulan/pasukan/badan/kelab yang merancang dan menunjukkan pencapaian terbaik dalam penganjuran dan penyertaan program-program kebudayaan dan kesenian serta perpaduan berimpak tinggi untuk pembangunan pelajar. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.10 ANUGERAH KEUSAHAWANAN TERBAIK

Anugerah ini diberikan kepada kumpulan/pasukan/badan/kelab yang merancang dan menunjukkan pencapaian terbaik dalam penganjuran dan penyertaan program-program keusahawanan berimpak tinggi untuk pembangunan pelajar. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.11 ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH/ INTELEK TERBAIK

Anugerah ini diberikan kepada kumpulan/pasukan/badan/kelab yang merancang dan menunjukkan pencapaian terbaik dalam penganjuran dan penyertaan dalam program-program pembangunan sahsiah/intelek berimpak tinggi untuk pembangunan pelajar. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.12 ANUGERAH KESUKAREWALANAN TERBAIK

Anugerah ini diberikan kepada mana-mana kumpulan/pasukan/badan/kelab yang merancang dan menunjukkan pencapaian terbaik dalam penganjuran dan penyertaan dalam program-programn kesukarelawanan berimpak tinggi untuk pembangunan pelajar. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.13 ANUGERAH KELAB/PERSATUAN TERBAIK

Anugerah ini diberikan Kelab/Persatuan/Sekretariat yang merancang dan menunjukkan pencapaian terbaik dalam penganjuran dan penyertaan program-program berimpak tinggi untuk pembangunan pelajar. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.14 ANUGERAH PERSATUAN FAKULTI TERBAIK

Anugerah ini diberikan kepada, persatuan fakulti yang merancang dan menunjukkan pencapaian terbaik dalam penganjuran dan penyertaan program-program berimpak tinggi untuk pembangunan pelajar. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.15 ANUGERAH KEDIAMAN TERBAIK

Anugerah ini di berikan kepada kolej kediaman dan kediaman luar UTeM yang merancang dan menunjukkan pencapaian terbaik dalam penganjuran dan penyertaan program-program berimpak tinggi untuk pembangunan pelajar. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.16 ANUGERAH INOVASI TERBAIK

Anugerah ini diberikan kepada Kelab/Persatuan/Sekretariat yang yang merancang dan menunjukkan pencapaian terbaik dalam penganjuran dan penyertaan program-program inovasi berimpak tinggi untuk pembangunan pelajar. Perkara ini melibatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti serta dokumentasi yang teratur dalam memastikan program berjalan dengan baik.

3.1.17 ANUGERAH OLAHRAGAWAN/OLAHRAGAWATI

Anugerah ini adalah anugerah tertinggi yang diberikan kepada atlet sukan yang menunjukkan prestasi cemerlang dan taraf kebolehan yang tinggi dalam sukan. Pemenang anugerah ini dipilih mengikut syarat-syarat berikut:

- a. Mewakili negara atau MASUM di peringkat antarabangsa seperti Kejohananan Universiti Dunia

(Universiade), Sukan Universiti ASEAN (SUA) dan lain-lain kejohanan bertaraf antarabangsa pada tahun dinilai.

ATAU

- b. Mewakili negeri atau kelab di pertandingan peringkat kebangsaan seperti Sukan Malaysia (SUKMA), Sirkuit atau Liga Kebangsaan pada tahun dinilai.

DAN

- c. Mewakili universiti di peringkat MASUM / KPM / Jemputan Luar pada tahun dinilai dan merupakan pemain utama dalam pasukan serta mempunyai disiplin yang boleh dicontohi. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk wang tunai, trofi serta sijil penghargaan

3.1.18 ANUGERAH OLAHRAGAWATI

Anugerah ini adalah anugerah tertinggi yang diberikan kepada atlet sukan yang menunjukkan prestasi cemerlang dan taraf kebolehan yang tinggi dalam sukan. Pemenang anugerah ini dipilih mengikut syarat-syarat berikut:

- a. Mewakili negara atau MASUM di peringkat antarabangsa seperti Kejohanan Universiti Dunia (Universiade), Sukan Universiti ASEAN (SUA) dan lain-lain kejohanan bertaraf antarabangsa pada tahun dinilai.

ATAU

- b. Mewakili negeri atau kelab di pertandingan peringkat kebangsaan seperti Sukan Malaysia (SUKMA), Sirkuit atau Liga Kebangsaan pada tahun dinilai.

DAN

- c. Mewakili universiti di peringkat MASUM / KPM / Jemputan Luar pada tahun dinilai dan merupakan pemain utama dalam pasukan serta mempunyai disiplin yang boleh dicontohi. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk wang tunai, trofi serta sijil penghargaan

3.1.19 ANUGERAH OLAHRAGAWAN HARAPAN

Anugerah ini diberikan kepada Olahragawan Harapan yang menunjukkan peningkatan prestasi yang boleh dibanggakan dan telah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Mewakili Negara /Negeri /Universiti /Kelab di pertandingan peringkat kebangsaan seperti Sukan Malaysia (SUKMA), Sirkuit atau Liga Kebangsaan pada tahun dinilai.

ATAU

- b. Mewakili universiti di peringkat MASUM / KPM / Jemputan Luar pada tahun dinilai dan merupakan pemain utama dalam pasukan serta mempunyai disiplin yang boleh dicontohi

DAN

- c. Pencalonan hanya kepada calon Tahun 1 dan Tahun 2 pengajian. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk wang tunai, trofi serta sijil penghargaan

3.1.20 ANUGERAH OLAHRAGAWATI HARAPAN

Anugerah ini diberikan kepada Olahragawati Harapan yang menunjukkan peningkatan prestasi yang boleh dibanggakan dan telah memenuhi syarat-syarat berikut:

- d. Mewakili Negara /Negeri /Universiti /Kelab di pertandingan peringkat kebangsaan seperti Sukan Malaysia (SUKMA), Sirkuit atau Liga Kebangsaan pada tahun dinilai.

ATAU

- e. Mewakili universiti di peringkat MASUM / KPM / Jemputan Luar pada tahun dinilai dan merupakan pemain utama dalam pasukan serta mempunyai disiplin yang boleh dicontohi

DAN

- f. Pencalonan hanya kepada calon Tahun 1 dan Tahun 2 pengajian. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk wang tunai, trofi serta sijil penghargaan

3.1.21 ANUGERAH PASUKAN CEMERLANG

Anugerah ini diberikan kepada pasukan yang menunjukkan prestasi cemerlang dan telah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Menyumbang pingat kepada universiti dalam tahun dinilai pada kejohanan di peringkat MASUM /KPM /Kejohanan-kejohanan sukan prestasi tinggi yang lain.
- b. Menunjukkan peningkatan dari segi pencapaian pasukan atau mengekalkan pingat yang dimenangi berbanding tahun sebelumnya.
- c. Mempunyai pengurusan pasukan yang mantap dan boleh dicontohi.
- d. Mempunyai rekod yang bersih tanpa apa-apa tindakan tatatertib terhadap mana- mana ahli pasukannya oleh mana-mana badan sukan atau universiti.
- e. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk wang tunai, trofi serta sijil penghargaan

3.1.22 ANUGERAH PASUKAN HARAPAN

Anugerah ini diberikan kepada pasukan yang menunjukkan peningkatan prestasi yang boleh dibanggakan dan telah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Pasukan baru yang mencatat kejayaan dan berpotensi untuk memenangi pingat pada masa akan datang.
- b. Mempunyai pengurusan pasukan yang mantap dan boleh dicontohi.
- c. Mempunyai rekod yang bersih tanpa apa-apa tindakan tatatertib terhadap mana-mana ahli pasukannya oleh mana-mana badan sukan atau universiti.
- d. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk wang tunai, trofi serta sijil penghargaan

3.1.23 ANUGERAH PENGURUS CEMERLANG

Anugerah ini diberikan kepada pengurus pasukan yang telah berjaya menguruskan pasukannya dengan cemerlang pada tahun dinilai. Pemenang anugerah ini dipilih mengikut kriteria berikut:

- a. Berdasarkan komitmen yang tinggi kepada pasukan yang diuruskan dalam tahun dinilai sama ada di peringkat Sukan MASUM / KPM / Pertandingan jemputan lain dan menyumbang pingat.
- b. Dianugerahkan kepada pengurus pasukan yang telah berjaya menguruskan pasukannya berdasarkan komitmen yang tinggi kepada pasukan yang diuruskan sama ada di peringkat Sukan MASUM / KPM/ Pertandingan jemputan lain dan menyumbang pingat.
- c. Mempunyai sifat kepimpinan dan pengurusan pasukan yang cemerlang.
- d. Sentiasa memberi komitmen yang terbaik dalam menjayakan program sukan pelajar.

- e. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk wang tunai, trofi serta sijil penghargaan

3.1.24 ANUGERAH KELAB CEMERLANG

Anugerah ini diberikan kepada Kelab Sukan yang menunjukkan prestasi cemerlang pada tahun dinilai dan telah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Pusat Sukan, Universiti atau pihak luar sama ada berbentuk sukan prestasi tinggi mahupun rekreasi sepanjang tahun dinilai.
- b. Telah menganjurkan dan menyertai aktiviti sukan, sama ada di peringkat dalam universiti mahupun luar.
- c. Mempunyai pengurusan yang mantap dan boleh dicontohi.
- d. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk wang tunai, trofi serta sijil penghargaan

3.1.25 ANUGERAH KHAS JURI

Anugerah ini diberikan kepada pelajar atau Kelab/Persatuan yang mempunyai nilai-nilai unik (seperti banyak memberi sumbang bakti kepada pihak Universiti, menaikkan nama Universiti ke peringkat Antarabangsa dan lain-lain). Oleh itu, Universiti menganugerahkan anugerah ini kepada penerima tersebut. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk trofi serta sijil penghargaan.

3.1.26 PENGHARGAAN PENASIHAT KELAB/ PERSATUAN

Anugerah ini di berikan kepada penasihat kelab/persatuan/badan beruniform yang aktif dan secara langsung telah banyak membantu

dalam melaksanakan aktiviti berimpak tinggi. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk sijil penghargaan

3.1.27 PENGHARGAAN JURULATIH

- a. Anugerah ini diberikan kepada Jurulatih yang melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Universiti atau pihak luar sama ada berbentuk muzik, tarian, sukan dan rekreasi serta lain-lain sepanjang tahun.
- b. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk sijil penghargaan

3.1.28 PENGHARGAAN MENTOR SUKAN

- a. Anugerah ini diberikan kepada Mentor Sukan yang menunjukkan prestasi cemerlang serta penglibatan yang tinggi dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Pusat Sukan, Universiti atau pihak luar sama ada berbentuk sukan prestasi tinggi mahupun rekreasi sepanjang tahun.
- b. Telah banyak membantu pembangunan sukan dan membawa kejayaan terhadap pasukan UTeM.
- c. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk sijil penghargaan

3.1.29 PENGHARGAAN PENERUSI KELAB/PERSATUAN PELAJAR

- a. Anugerah ini di berikan kepada pengerusi kelab/persatuan/badan beruniform yang aktif dan secara langsung telah banyak membantu dalam melaksanakan aktiviti berimpak tinggi.
- b. Setiap penerima akan menerima hadiah berbentuk sijil penghargaan

4.0 KRITERIA PEMARKAHAN

A.KATEGORI KEPIMPINAN INDIVIDU- PEMIMPIN ORGANISASI

BIL	PERKARA	MARKAH	MARKAH KESELURUHAN
1	Pengurusan Organisasi		50
	i. Aktiviti Pemantapan Organisasi	10	
	ii. Takwim Tahunan Organisasi	5	
	iii. Minit Mesyuarat Organisasi	15	
	iv. Laporan Aktiviti	10	
	v. Inisiatif dalam organisasi	5	
2	Penglibatan Mahasiswa		45
	i. Jawatan yang disandang dan peringkat penglibatan	40	
	ii. Penglibatan Kumpulan Sasaran	20	
	iii. Pencapaian/Peringkat kolaborasi	20	
	iv. Nilai tajaan	10	
3	Pencapaian Akademik	5	5
JUMLAH KESELURUHAN		140	100

B. KATEGORI KEPIMPINAN INDIVIDU- PEMIMPIN PROGRAM

BIL	PERKARA	MARKAH	MARKAH KESELURUHAN
1	Penglibatan Mahasiswa		90
	i. Jawatan yang disandang dan peringkat penglibatan	40	
	ii. Pencapaian/Peringkat kolaborasi	20	
	iii. Penglibatan Kumpulan sasaran	20	
	iv. Nilai tajaan	10	
2	Pencapaian Akademik	5	5
3	Inisiatif	5	5
JUMLAH KESELURUHAN		100	100

C. KATEGORI KEPIMPINAN PASUKAN

BIL	PERKARA	MARKAH	MARKAH KESELURUHAN
1	Penglibatan Pasukan		95
	i. Peringkat Program	50	
	ii. Jangka Masa Program	10	
	iii. Penglibatan Kumpulan Sasaran	20	
	iv. Pencapaian/peringkat kolaborasi	20	
	v. Nilai tajaan	10	
2	Inisiatif	5	5
JUMLAH KESELURUHAN		115	100

Calon kategori kepimpinan individu yang mendapat markah yang tertinggi akan dicalonkan untuk Anugerah TUAH Gemilang Universiti. Calon ini akan diberikan markah mengikut pecahan markah seperti berikut :

PERKARA		AGU
JUMLAH MARKAH BERDASARKAN BORANG PEMARKAHAN		80
TEMUDUGA		20
a) Temuduga Individu		
b) Pembentangan selama 3 minit dan sesi soal jawab oleh ahli panel mengenai impak program/isu semasa/isu global		
JUMLAH KESELURUHAN		100

D. KATEGORI SUKAN

SKALA PEMARKAHAN					
PERINGKAT		PENCAPAIAN			
		EMAS	PERAK	GANGSA	PENYERTAAN
		10	7	5	3
UTeM	SAF / TOT	4	3	2	1
IPT / NEGERI	Jemputan IPT	15	10	7	3
	MASUM/Sukan KPM	15	10	7	3
	SUKIPT	20	15	10	5
	Jemputan Negeri	20	15	10	5
KEBANGSAAN	SUKMA	20	15	10	5
	Terbuka Kebangsaan	20	15	10	5
	Kejohanan Kebangsaan	25	20	15	10
ANTABANGSA	Terbuka Antarabangsa	25	20	15	10
	Sukan SEA / SUA	30	20	15	10
	Kejohanan Dunia	40	30	20	15
	Sukan Asia	40	30	20	15
	Sukan Komanwel	40	30	20	15
	Sukan Olimpik	50	40	30	20



**SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN
ANUGERAH GEMILANG UNIVERSITI (AGU)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
KATEGORI KEPIMPINAN INDIVIDU DAN PASUKAN**

- 1) Penyertaan **adalah terbuka kepada semua pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka** yang belajar secara **sepenuh masa** di Peringkat **Diploma atau Ijazah Sarjana Muda** sahaja.
- 2) Penilaian adalah bagi pencapaian dan program yang dianjurkan sepanjang tahun **2019**
- 3) Calon mestilah memiliki **CGPA TERKINI** sekurang-kurangnya **2.50**.
- 4) Pencalonan boleh dibuat oleh Pegawai Universiti (Penasihat Kelab / Persatuan/ Dekan / Pegawai HEP / Pensyarah / Pengetua Kolej Kediaman) atau Calon Pelajar sendiri (yang disahkan oleh Pegawai Universiti)
- 5) Bagi setiap **satu borang**, hanya untuk **satu (1) Anugerah** sahaja.
- 6) Borang Pencalonan perlu disertakan bersama **Salinan Kertas Kerja yang telah diluluskan dan Laporan Program/Aktiviti** berserta **Sijil Penyertaan (sekiranya ada)**.
- 7) Calon hendaklah mengemukakan **HANYA 2 PROGRAM SAHAJA YANG MENUNJUKKAN PENCAPAIAN BERSAMA-SAMA BUKTI** yang dilaksanakan sepanjang tahun 2019.
- 8) Borang yang telah dilengkapkan perlu **dikemukakan kepada Urus setia selewat-lewatnya pada 24 FEBRUARI 2020 (ISNIN)** melalui serahan tangan ke alamat berikut :

**Urus setia
Majlis Anugerah Gemilang Universiti (AGU)
Pejabat Hal Ehwal Pelajar**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

- 9) Borang yang **Tidak Lengkap** atau **Lewat Diterima** **TIDAK** akan diproses.
- 10) Keputusan **Jawatankuasa Penilai Hal Ehwal Pelajar (JPHEP)** Anugerah Gemilang Universiti (AGU) adalah **MUKTAMAD**.



**SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN
ANUGERAH GEMILANG UNIVERSITI (AGU)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
KATEGORI SUKAN**

- 1) Penyertaan **adalah terbuka kepada semua pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka** yang belajar secara **sepenuh masa** di Peringkat **Diploma atau Ijazah Sarjana Muda** sahaja.
- 2) Penilaian adalah bagi pencapaian dan program yang dianjurkan sepanjang tahun yang dipertandingkan
- 3) Calon mestilah memiliki **CGPA TERKINI** sekurang-kurangnya **2.50**.
- 4) Pencalonan boleh dibuat oleh individu, kelab atau pasukan, jurulatih/pengurus/penasihat/penyelaras sukan masing-masing dan Pusat Sukan, HEP UTeM
- 5) Bagi setiap **satu borang**, hanya untuk **satu (1) Anugerah** sahaja.
- 6) Atlet/pasukan mestilah mewakili UTeM di dalam kejohanan peringkat KPM/IPT/Negeri / Negara
- 7) Borang yang telah dilengkapkan perlu **dikemukakan kepada Urus setia selewat-lewatnya pada 24 FEBRUARI 2020 (ISNIN)** melalui serahan tangan ke alamat berikut :

**Urus setia
Majlis Anugerah Gemilang Universiti (AGU)- Kategori Sukan
Pusat Sukan
Pejabat Hal Ehwal Pelajar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

- 8) Borang yang **Tidak Lengkap** atau **Lewat Diterima TIDAK** akan diproses.
- 9) Keputusan **Jawatankuasa Panel Pemilih (Kategori Sukan)** Anugerah Gemilang Universiti (AGU) adalah **MUKTAMAD**.